

PM ingatkan swasta jauhkan konfrontasi

U.M. - 7 DEC 1992

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan sektor awam dan swasta supaya menjauhi sikap berkonfrontasi antara satu dengan lain bagi memastikan perkembangan negara yang berterusan.

Beliau sebenarnya mahu kedua-dua sektor ini memelihara dan meningkatkan hubungan kerjasama yang sedia ada kerana ia terbukti dapat memberi pulangan besar kepada pembangunan Malaysia.

"Sikap berkonfrontasi bukan amalan yang baik kerana pihak swasta yang bersikap demikian bukan saja merugi-

kan sendiri bahkan juga tidak berguna kepada negara dan kerajaan," katanya ketika berucap di majlis makan malam Sukan Persyarikatan Malaysia 1992 di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, sektor awam akan berusaha memastikan sektor swasta mendapat keuntungan sebanyak mungkin bagi membolehkan negara turut mendapat pulangan dari kepesatan itu.

"Walaupun terdapat kebimbangan hubungan kerjasama kedua-dua pihak ini mungkin mendatangkan keputusan yang tidak baik namun Ketua Setiausaha Negara telahpun membuat garis panduan khas

tentang apa yang boleh dibuat dan tidak oleh sektor swasta," katanya.

Sementara itu Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji AbdulHamid ketika berucap mengumumkan, pihaknya telah mengarahkan Unit Permodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (MAMPU) menyediakan sebuah buku panduan bagi pihak swasta berurusan dengan sektor awam.

Buku berjudul 'Panduan Praktikal Berurusan Dengan Pihak Awam' yang kini sedang disiapkan oleh MAMPU antara lain mengandungi peraturan kerajaan bagi pihak

swasta, kriteria mendapatkan sesuatu pengecualian, dasar-dasar kerajaan dan gambar-gambar jabatan kerajaan.

"Diharapkan dengan penerbitan buku ini pihak swasta akan dapat memahami dengan jelas budaya sektor awam seterusnya boleh dijadikan panduan seharian bagi golongan ahli perniagaan," kata Ahmad Sarji.

Dalam pertandingan Sukan Persyarikatan Malaysia 1992 yang berlangsung dari 3 hingga 6 Disember, sektor swasta telah muncul sebagai johan dengan mengalahkan sektor awam dalam kedua-dua bidang sukan yang dipertandingkan iaitu golf dan tenis.